



## SIARAN MEDIA

### **Lebih 1,400 Mangsa Banjir di Kota Setar, Kedah, Menerima Bantuan Banjir daripada Kumpulan Syarikat LTAT**

**KUALA LUMPUR, 26 SEPTEMBER 2024** – Susulan kejadian banjir melanda Kedah baru-baru ini, Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") bersama-sama Kumpulan Syarikatnya – Boustead Plantation Berhad ("BPlant"), Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd ("BHPetrol") dan Pharmaniaga Berhad, telah mengagihkan bantuan kepada lebih daripada 1,400 mangsa yang terjejas di lapan (8) Pusat Pemindahan Sementara ("PPS") di Kota Setar, Kedah, pada hari Selasa.

Tindakan kolektif ini menekankan komitmen LTAT dan kumpulan syarikatnya terhadap mereka yang terjejas akibat banjir, menyediakan sokongan kritikal pada masa yang amat diperlukan. Usaha ini turut disokong oleh rakan-rakan GLIC dan GLC lain dalam menjana impak kolektif sebagai sebahagian daripada inisiatif GLIC/GLC Demi Rakyat & Negara ("GDRN"). Sebanyak lebih 800 pak keperluan telah diagihkan, termasuk makanan dan keperluan asas kebersihan, yang disesuaikan dengan keperluan segera keluarga yang dipindahkan.

#### **Butiran agihan oleh Kumpulan Syarikat LTAT:**

- **Boustead Plantation Berhad:** 500 pak makanan keperluan dihantar ke 6 lokasi PPS.
- **Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd:** 180 pak makanan keperluan diagihkan di 3 lokasi PPS.
- **Pharmaniaga Berhad:** 165 pak kebersihan asas dihantar ke 3 lokasi PPS.

Usaha ini merupakan sebahagian daripada misi bantuan yang diselaraskan antara Pusat Kawalan Operasi Bencana ("PKOB") dan PPS di Kota Setar, memastikan bantuan sampai kepada keluarga dengan selamat. Semua penerima bantuan kini ditempatkan di PPS yang ditetapkan, dipantau oleh pihak berkuasa tempatan dan profesional bagi memastikan keselamatan, serta kesejahteraan mereka terjaga.

Pengagihan bantuan ini bukan sahaja memenuhi keperluan segera mangsa banjir, malah memperlihatkan kekuatan kerjasama seluruh Kumpulan Syarikat LTAT. Pergerakan pantas daripada Kumpulan Syarikat LTAT telah memberi kelegaan yang diperlukan, meringankan beban keluarga yang menunggu air banjir surut dan keadaan kembali pulih seperti sediakala.

LTAT kekal komited untuk terus memberi sokongan berterusan dan memainkan peranan aktif dalam menyumbang kepada masyarakat, selaras sepenuhnya dengan aspirasi ekonomi di bawah rangka kerja MADANI.

**-TAMAT-**

**Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

**PERHUBUNGAN MEDIA**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)